

Kadar pengangguran di Malaysia berkurangan

Pasaran buruh kekal stabil, bilangan penduduk bekerja terus meningkat

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Bilangan penganggur pada Ogos 2023 terus berkurangan kepada 577,300 orang, dengan kadar pengangguran berada pada 3.4 peratus, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata, pasaran buruh kekal stabil pada Ogos dengan peningkatan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala bilangan penganggur terus menurun.

Dalam hal ini, katanya bilangan tenaga buruh pada Ogos bertambah baik, dengan peningkatan 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 16.93 juta orang.

"Kadar penyertaan tenaga buruh Ogos kekal pada 70.1 peratus seperti pada Julai 2023," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan DOSM, semalam.

Mohd Uzir menambah, bilangan penduduk bekerja pada Ogos berada pada trend menaik,



dengan peningkatan 0.1 peratus kepada 16.35 juta orang.

Sebaliknya, beliau berkata bilangan penganggur pada Ogos terus berkurang, dengan penurunan sebanyak 0.3 peratus kepada 577,300 orang.

"Kadar pengangguran pada bulan itu kekal pada 3.4 peratus seperti yang direkodkan pada bulan lalu," katanya.

Kerja sendiri meningkat

Beliau menambah, 75.4 peratus daripada jumlah penduduk bekerja adalah dalam kategori pekerja dan kategori ini meningkat sebanyak 0.1 peratus merekodkan 12.32 juta orang.

Pada masa yang sama, katanya penduduk bekerja sendiri juga mencatatkan kenaikan 0.3 peratus kepada 2.97 juta orang.

"Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan terus

menunjukkan trend menaik, terutama dalam aktiviti perdagangan borong & runcit; perkhidmatan makanan & minuman; dan pengangkutan dan penyimpanan.

"Di samping itu, sektor pembuatan, pertanian, pembinaan serta perlombongan & pengkuarian turut mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada bulan berkenaan," katanya.

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada Ogos, Mohd Uzir berkata, penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, merangkumi 80 peratus daripada jumlah penganggur.

Katanya, kategori ini terus

menurun, dengan pengurangan sebanyak 0.6 peratus mencatatkan 462,100 orang.

"Dalam kalangan penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 61.4 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun mencatatkan 6.2 peratus.

"Sementara itu, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif merekodkan peningkatan sebanyak 0.6 peratus kepada 115,200 orang," katanya.

Beliau berkata, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun terus menurun sebanyak 0.1 mata peratus pada bulan berkenaan kepada 10.8 peratus, mencatatkan bilangan penganggur belia yang lebih rendah iaitu pada 309,200 orang.

Dalam pada itu, katanya kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun kekal pada 6.8 peratus seperti pada bulan sebelumnya, dengan 439,600 penganggur belia.

"Komposisi terbesar bagi luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh kerja rumah/tanggungjawab keluarga dengan 42.9 peratus dan seterusnya, 40.1 peratus adalah disebabkan oleh bersekolah/latihan," katanya.



Mohd Uzir Mahidin